

**EKSKLUSIF**

BANGUNAN Parlimen ketika pemerintahan kerajaan Vijayanagara.



menggunakan pedang dan mampu menewaskan pahlawan Vijayanagara ketika sedang mendalami ilmu di kerajaan itu.

"Hang Tuah adalah antara individu yang sering merantau ke negara lain atas urusan kerajaan Melaka atau mahu mendalami ilmu menyebabkan beliau begitu dikenali di seluruh dunia. Malah, watak Hang Tuah turut dilakonkan dalam drama sejarah empayar Vijayanagara selain dicatatkan dalam buku Discovery of India tulisan Perdana Menteri pertama India Jawaharlal Nehru," katanya.

Manuskrip yang terdapat di Vijayanagara itu turut membuktikan pahlawan Melayu terbahit benar-benar wujud dan bukannya dongeng atau cerita

rakyat semata-mata.

"Kemasyhuran pahlawan Melayu itu menjadi kebanggaan kita kerana bukan saja namanya disebut di rantau ini namun turut menjadi individu dihormati di empayar besar lain suatu masa dahulu," katanya yang bakal menerbitkan buku mengenai Catatan Hang Tuah di Vijayanagara.


Menurutnya, Vijayanagara yang berkeluasan kira-kira 1.5 hektar adalah ibu kota kerajaan Vijayanagar, yang pernah mencapai peradaban gemilang pada masa lampau.

Vijayanagara bermaksud Kota Kemegahan terletak di wilayah Hampi kira-kira sembilan jam perjalanan dari Goa dan ia adalah lokasi berhimpunya saudagar dan wakil empayar dari seluruh dunia.

Sebelum ini, Dr Rohaidah bersama Prof Emeritus Dr Hashim Musa sebelum ini menghasilkan buku Hang Tuah: Catatan Okinawa.

Buku itu menceritakan hubungan diplomatik antara Melaka dan Empayar Ryukyu (kini Okinawa) yang turut dicatat dalam Rekidai Hoan, iaitu dokumen sejarah yang diperakui sah oleh sarjana serta penemuan arkeologi membuktikan kewujudan Hang Tuah.

Catatan buku itu mengesahkan Laksamana Hang Tuah adalah diplomat Empayar Melaka ke India, Turki dan Patani, serta pengaruh dan kekuatannya diperakui pelbagai pihak seantero dunia.



PETA empayar Vijayanagara.

## Diakui penduduk tempatan

Goa: Kedatangan Laksamana Hang Tuah diakui penduduk tempatan terutama di sekitar Hampi, kira-kira 300 kilometer dari bandar ini berdasarkan cerita dan sejarah yang dipertuturkan sejak zaman dulu.

Mereka mengakui terdapat seorang pahlawan bijaksana dan hebat dikenali sebagai Laksam (Laksamana) berasal dari Nusantara atau Melaka datang ke negara terbahit untuk berkhidmat dengan kerajaan Vijayanagara.

Seorang pemandu pelancong, K Rangga, 49, berkata, kebanyakan individu terbahit menjadikan kuda milik Raja Malika Arjuna Raya menyebabkan namanya dicatatkan dalam monumen sejarah Vijayanagara.

"Saya sudah berkhidmat sebagai pemandu pelancong di Vijayanagara sejak 1996 ketika berusia 29 tahun dan menerusi sejarah yang dicatatkan, Raja Malika Arjuna Raya mempunyai seekor kuda kesayangan yang sangat liar.

"Pada zaman pemerintahan Raja terbahit, tiada individu yang mampu menjinakkan kuda sebelum diperkenalkan kepadanya seorang lelaki bernama Laksam (Laksamana Hang Tuah) yang mempunyai kebolehan berbuat demikian," katanya ketika ditemui, di sini.

Kebolehan Hang Tuah itu dikagumi Raja Malika Arjuna Raya menyebabkan nama pahlawan itu dicatatkan dalam sejarah Vijayanagara.

"Hanya individu yang berjasa dan terkenal saja akan dicatatkan dalam manuskrip Vijayanagara yang sedia maklum mempunyai empayar luas di rantau ini dengan kota yang sibuk dengan pedagang dari seluruh dunia," katanya.

Pahlawan terbilang pada zaman Kesultanan Melaka, Laksamana Hang Tuah bukan saja handal bermain senjata selain bijak memimpin bala tentera bagi mempertahankan kedaulatan empayar itu, malah hebat menjinakkan kuda liar.

Itu antara penemuan menarik sepanjang kembara wartawan Harian Metro, SYAZWAN MSAR di Goa, India bersama rombongan Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin.

# PENJINAK KUDA DIKAGUMI

■ Hang Tuah pernah berkhidmat di India zaman kegemilangan Vijayanagara

Goa (India)

Sesuai dengan kemasyhuran namanya, Laksamana Hang Tuah bukan saja pernah menjejakkan kaki ke Jepun malah berkhidmat di India pada zaman pemerintahan Raja Malika Arjuna Raya ketika zaman kegemilangan Vijayanagara pada 1424.

Menerusi manuskrip yang terdapat di Vijayanagara, Hang Tuah yang mempunyai pelbagai kemahiran itu pernah berkunjung ke negara terbahit untuk menuntut ilmu sebelum

diperkenalkan kepada raja yang memerintah.

Kemahiran Hang Tuah yang berupaya menjinakkan kuda liar milik Raja Malika Arjuna Raya dikagumi hingga dicatatkan dalam sejarah ketamadunan Vijayanagara.

Bukti itu, sekali gus menunjukkan sejarah pahlawan terbahit yang pernah berkhidmat dengan Raja Malika Arjuna Raya seperti diceritakan dalam Hikayat Hang Tuah sebelum ini ternyata benar.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan

Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin berkata, beliau bersama pasukannya berjaya menemui manuskrip terbahit yang masih utuh di tapak peninggalan sejarah Vijayanagara.

"Mengikut catatan Hikayat Hang Tuah, Laksamana itu pergi ke India untuk mendalami pelbagai ilmu sebelum diminta oleh Raja Malika Arjuna Raya menjinakkan kuda kesayangannya.


"Menerusi kebolehan dimiliki pahlawan Melayu itu, dia berjaya

menjinakkan kuda berkenaan dan sejarah terbahit dicatatkan dalam manuskrip Vijayanagara sebagai antara individu yang dikagumi pemerintah pada zaman itu.


"Manuskrip yang memaparkan seorang lelaki dikenali sebagai Laksam (Laksamana) berasal dari Melaka sedang menunggang kuda milik Raja Malika Arjuna Raya," katanya yang mengetuai ekspedisi merungkai misteri Hang Tuah di Goa, India.

Beliau berkata, Hang Tuah juga terkenal sebagai seorang mahir

ANTARA monumen binaan bersejarah yang kekal hingga kini.



UKIRAN batu yang menggambarkan Hang Tuah menjinakkan kuda.



Esok: Penemuan meriam dan barangan artifak di Goa